

Pekebun Musang King tidak dibenarkan masuk Hutan Batu Talam

Oleh **Asrol Awang** - Julai 14, 2021 @ 3:36pm
bhnews@bh.com.my



KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) tidak membenarkan pekebun durian haram memasuki Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub untuk mengambil barang milik mereka.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata keputusan itu selepas mendapat nasihat serta pandangan dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang dan juga Timbalan Pendakwa Raya.

Katanya, keputusan JPNP tidak membenarkan pekebun terbabit memasuki HSK Batu Talam untuk mengambil barang milik mereka kerana tindakan itu boleh mengganggu siasatan yang kini sedang giat dilengkapkan sepenuhnya untuk tujuan pendakwaan.

"JPNP meneliti laporan mengenai permohonan disampaikan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkaitan hasrat pekebun yang ingin memasuki ke

kawasan operasi bagi tujuan mendapatkan semula barang milik mereka yang tertinggal di dalam kawasan HSK Batu Talam.

"Selepas mendapat nasihat serta pandangan, JPNP tidak membenarkannya. Jika kebenaran diberikan, ia boleh mengganggu siasatan yang kini sedang giat dilengkapkan sepenuhnya untuk tujuan pendakwaan," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Terdahulu, Wan Rosdy dilaporkan berkata, kebenaran memasuki dan mendapatkan barangan milik pekebun durian haram di HSK Batu Talam perlu diperoleh daripada JPNP.

"Saya meminta Setiausaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon mendapatkan sendiri kebenaran daripada JPNP untuk mendapatkan barangan milik pekebun haram durian yang terdapat di hutan simpan berkenaan.

"Kebeneran daripada jabatan terbabit perlu diperoleh kerana kerajaan negeri bertegas dan tidak berkompromi dalam isu pencerobohan hutan," katanya.

Sejak operasi pada 3 Julai lalu, kira-kira 15,000 pokok durian Musang King yang ditanam secara haram dalam HSK Batu Talam seluas lebih 101 hektar sudah ditebang.

Jabatan Perhutanan negeri bercadang menanam kira 20,000 pokok hutan antaranya Merawan, Meranti, Balau, Keruing dan beberapa spesis lain dan setakat ini, lebih 2,000 pokok sudah ditanam.